

26/08/2003

PM bentang Bajet 2004 12 September

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual membentangkan Bajet 2004 di Parlimen 12 September ini.

Pegawai Perhubungan Awam Parlimen, Ishak Momin, berkata dalam satu kenyataan semalam, Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Rakyat itu akan bermula 2 September dan berakhir 6 November.

Mesyuarat Dewan Rakyat selama 40 hari itu akan membahaskan sembilan rang undang-undang yang dibawa ke hadapan daripada mesyuarat kedua manakala Dewan Negara pula dijadual bersidang 12 hari dari 3 November hingga 20 November.

Kedua-kedua dewan bersidang setiap Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis dari 10 pagi hingga 5.30 petang.

Rang undang-undang itu termasuk Rang Undang-undang Bank Negara (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2003, dan Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2003.

Yang lain ialah Rang Undang-undang Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003, Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003 dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2003.